

Kebolehlaksanaan Team Mate PBD 2.0 : Program Penjenamaan Semula Pentaksiran Bilik Darjah 2.0

Noraziah Noor Isham & Mohamed Yusoff Mohd Noor

Abstract – Pentaksiran Bilik Darjah merupakan pentaksiran secara formatif dan sumatif, berterusan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bagi memperoleh maklumat mengenai perkembangan, kemajuan, kebolehan dan pencapaian murid. Terdapat beberapa cabaran dalam kalangan guru untuk melaksanakan PBD seperti penyediaan instrumen, dokumen berkaitan dan sokongan dari pihak pentadbir dan rakan guru. Bagi menangani cabaran tersebut, penjenamaan semula PBD 2.0 melalui penubuhan *Team Mate PBD 2.0* dicadangkan bagi menambahbaik kualiti pentaksiran. *Team Mate PBD 2.0* melibatkan 5 buah sekolah yang mempunyai demografi yang sama, berkolaborasi menghasilkan satu modul PBD 2.0. Kajian tinjauan ini melibatkan seramai 40 orang guru sekolah kurang murid di daerah Alor Gajah, Melaka sebagai responden bertujuan untuk mengenalpasti tahap kebolehlaksanaan program penjenamaan semula PBD 2.0. Dapatan kajian menunjukkan 4 aspek iaitu memenuhi hasrat, berdaya maju, praktikal dan lestari mempunyai skor min yang berada pada tahap tinggi. Manakala aspek boleh dilaksanakan menunjukkan skor min yang berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan program ini relevan untuk dilaksanakan namun memerlukan penambahbaikan dari segi latihan dan prasarana teknologi maklumat di sekolah. Program ini diharapkan dapat meningkatkan kompetensi guru-guru, menambah baik kualiti pentaksiran seterusnya meningkatkan prestasi murid.

Keywords – Penjenamaan semula PBD 2.0, *Team Mate PBD 2.0*, Kebolehlaksanaan.

I. PENGENALAN

Keyakinan dan kebimbangan ibu bapa dan masyarakat terhadap keupayaan dan kemampuan sistem pendidikan di Malaysia dalam menyiapkan generasi muda menghadapi cabaran abad ke-21 telah hebat diperkatakan. Ini telah mendorong Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melakukan perubahan dan transformasi dalam bidang pentaksiran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Transformasi pentaksiran ini menggunakan pendekatan baru bagi menyokong pembangunan potensi pelajar secara menyeluruh di samping dapat meningkatkan keberkesanan kaedah pdpc dan pentaksiran guru dan pihak sekolah (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2012). Pada tahun 2012, peperiksaan telah digantikan dengan Pentaksiran Sekolah iaitu peperiksaan pusat (PP), psikometrik, pentaksiran aktiviti jasmani, sukan dan kokurikulum (PAJSK) dan pentaksiran bilik darjah (PBD).

PBD adalah pentaksiran yang berfokus kepada perkembangan dan kemenjadian murid secara holistik. Pelaksanaan ini membolehkan murid dinilai secara berterusan dalam pelbagai bentuk pentaksiran sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran (PdPc) melibatkan aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. PBD menggalakan pembelajaran yang menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi. Menurut E. R. Hilgard, R.C. Atkinson dan R. L. Atkinson (1975) mentafsirkan pembelajaran adalah proses dalaman yang dialami oleh pelajar melalui pengalaman, pengetahuan dan kemahiran yang diberikan dan membawa perubahan kognitif dan tingkah laku pelajar secara kekal.

Bagi meningkatkan kualiti PBD, maka satu Program Penjenamaan Semula PBD 2.0 dicadangkan. Program ini akan melibatkan 5 buah sekolah kurang murid yang mempunyai demografi yang sama. Melalui program ini, satu *Team Mate PBD 2.0* akan ditubuhkan bertujuan untuk menghasilkan modul PBD 2.0 yang mengandungi instrumen pentaksiran, template pelaporan semua matapelajaran bagi setiap tahun serta dokumen pentaksiran yang berkaitan.

II. PENYATAAN MASALAH

Mengikut Surat Pekeliling Iktisas Bil 14/2018, mulai tahun 2019, peperiksaan dalaman sekolah untuk murid tahap satu di sekolah rendah telah dimansuhkan. Pemansuhan peperiksaan dalaman tersebut adalah selari dengan konsep pembelajaran yang berorientasikan perkembangan murid dan menggunakan pembagai kaedah pentaksiran bilik darjah (PBD). KPM telah menyediakan latihan dan kursus mengenai PBD namun 46.7% guru masih tidak melakukan pentaksiran selepas PdPc. Dapatan kajian Rashidah (2008) mendapati tujuan dan matlamat sebenar penggunaan ujian formatif dalam bilik darjah sebagai satu strategi pelaksanaan pentaksiran masih tidak difahami dengan jelas dan ini menimbulkan kekeliruan dikalangan guru-guru serta tahap kesediaan guru untuk melaksanakan pentaksiran adalah sederhana.

PBD tidak dilaksanakan dengan sistematik kerana guru-guru tiada satu modul khas untuk dijadikan panduan. Bagi membolehkan guru-guru dapat melaksanakan pentaksiran dengan lebih berkesan, penyediaan bahan rujukan dan kemudahan peralatan melaksanakan pentaksiran perlu diambil kira (Aniza dan Zamri, 2015). Guru-guru hanya mendapat panduan daripada DSP dan DSKP yang dibekalkan oleh KPM. Mereka terpaksa membina instrumen dan dokumen pentaksiran secara sendiri dan ada kalanya mereka terpaksa menggunakan instrumen dan dokumen yang dikongsi oleh guru-guru lain melalui laman sesawang.

Instrumen yang dikongsi di laman sesawang kadangkala tidak memenuhi dan menepati keupayaan dan kebolehan murid mereka. Bagi menghasilkan item ujian objektif dan subjektif yang bermutu, guru perlu bijak mengaplikasikan prinsip dan teknik penggubalan dan penyediaan item (Crocker & Algina, 1986). Oleh itu, satu modul khas yang mempunyai pelbagai contoh instrumen mengikut keupayaan dan kebolehan murid yang mempunyai demografi sekolah yang hampir sama perlu diwujudkan.

Pendidikan di Malaysia sering berlaku perubahan termasuklah dalam pentaksiran. Ini menuntut semua guru untuk sentiasa meningkatkan tahap kompetensi mereka dari segi pengetahuan dan kemahiran serta keperluan motivasi mereka. Kajian Singh (2007) pula mendapati bahawa guru yang berkesan ialah guru yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam pelbagai disiplin ilmu. Melalui Team Mate PBD 2.0, guru-guru dapat meningkatkan kompetensi mereka melalui perkongsiaan pengetahuan dan kemahiran.

III. KAJIAN LITERATUR

Lembaga Peperiksaan (2012) telah menjalankan kajian secara atas talian mendapati 90% guru tahap 1 di sekolah rendah dan 83% guru tingkatan 1, tidak jelas tentang konsep pentaksiran. Kaedah dan pendekatan pentaksiran amatlah penting untuk menjalankan dan melaksanakan sesuatu penilaian atau pentaksiran. Walaupun sebilangan besar guru-guru telah menyertai kursus dan latihan yang disediakan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia namun mereka masih kabur tentang PBD dari pelbagai aspek. Kajian Stiggins (2005) juga mendapati sebilangan besar guru kurang bersedia dalam melaksanakan PBD kerana tidak berpeluang mempelajari teknik dan amalan pentaksiran yang betul.

Guru-guru dipertanggungjawabkan untuk membina instrumen matapelajaran yang diajar untuk melaksanakan PBD. Kajian oleh Abdullah et. al (2015) mendapati sebanyak 66.7 peratus guru tidak membina mana-mana instrumen disebabkan oleh kekangan masa dan bebanan tugas. Mereka menggunakan soalan atau instrumen yang dicetak semula dari buku-buku latihan di pasaran atau memuat turun dari laman sesawang yang dikongsi oleh guru-guru lain. Menurut Popham (2000), guru perlu memilih jenis item yang bersesuaian dengan keperluan objektif pengajaran dan boleh mengukur kebolehan pelajar mengikut sukatan pelajaran. Oleh itu, pembinaan instrumen perlu dibina sendiri oleh guru agar ianya bersesuaian dengan kebolehan dan keupayaan murid mereka.

Program penjenamaan semula PBD 2.0 ini akan menumpukan kepada penghasilan modul yang mengandungi instrumen pentaksiran semua matapelajaran dan dokumen PBD yang berkaitan. Kajian Elias (1991) mendapati penggunaan modul mampu membantu mempertingkatkan prestasi murid dalam pembelajaran. Pernyataan ini disokong oleh kajian Shahrom dan Yap (2013), yang menyatakan bahawa modul mempunyai ciri-ciri pentaksiran di mana murid dapat mengetahui tahap kefahaman dan pencapaian mereka dalam pembelajaran. Dapatan kajian Kumaran (2019) menunjukkan modul pentaksiran Pendidikan Kesihatan untuk guru-guru yang mengajar Pendidikan

Kesihatan perlu diwujudkan bagi membantu guru-guru dalam melaksanakan PBD untuk murid tahap 1.

Tahap kompetensi sebilangan besar guru-guru dalam melaksanakan PBD masih berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian Tan (2010) menyatakan keyakinan guru rendah dalam melaksanakan PBS disebabkan kurang pengetahuan dan kemahiran. Abdul Zubir (2007) pula mendapati hampir separuh daripada kalangan guru-guru yang terlibat dengan kajian beliau tidak pernah menerima latihan atau pendedahan secara khusus atau secara formal. Kajian oleh Raden (2008) mendapati guru-guru ingin meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui latihan yang profesional dalam pentaksiran bagi melaksanakan PBS dengan jayanya. Pemantauan, sokongan dan motivasi pihak atasan dan warga sekolah amatlah penting dalam membantu guru-guru yang merupakan tunjang utama pelaksanaan PBD di sekolah. Kajian Chan (2009) mendapati 25% guru mengatakan tiada pemantauan dari pihak pentadbir dan tiada kerjasama dengan guru senior dan pihak pentadbir juga tak hiraukan pelaksanaan PBD dan mereka hanya mahukan keputusan sahaja.

IV. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan rekabentuk kajian tinjauan. Rekabentuk kajian tinjauan merupakan kajian kuantitatif di mana pengkaji melakukan tinjauan ke atas sampel dalam populasi yang dikaji (Creswell, 2008). Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian dan mengandungi 25 item. Terdapat lima aspek yang diukur iaitu memenuhi hasrat, praktikal, mampu dilaksanakan, berdaya maju dan lestari. Skala Likert yang mempunyai empat pilihan jawapan dengan 1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Setuju dan 4 = Sangat Setuju telah digunakan.

Populasi dalam kajian ini ialah 5 buah sekolah kurang murid dalam daerah Alor Gajah, Melaka. Sampel kajian terdiri daripada 40 orang guru dari 5 buah sekolah kurang murid yang telah dipilih. Pemilihan sampel adalah secara rawak mudah.

V. DAPATAN KAJIAN

4.1 DATA DEMOGRAFI

Jumlah responden adalah 40 orang guru iaitu 14 orang adalah lelaki dan 24 orang perempuan. Seramai 20 orang guru berumur 21 hingga 40 tahun dan 20 orang berumur 41 hingga 60 tahun. Bagi pengalaman mengajar pula seramai 7 orang guru mempunyai pengalaman 10 tahun ke bawah, 20 orang pengalaman 11 hingga 20 tahun dan 13 orang mempunyai pengalaman 21 tahun dan ke atas. Seramai 28 orang responden mengajar matapelajaran teras dan 12 orang mengajar matapelajaran elektif.

Pengkaji telah membahagikan purata skor min (Jadual 1) kepada empat tahap bagi memperolehi pandangan responden terhadap kebolehlaksanaan program Penjenamaan Semula PBD 2.0.

JADUAL 1: TAHAP KEBOLEHLAKSANAAN PROGRAM PENJENAMAAN SEMULA PBD 2.0

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 hingga 1.75	Sangat Rendah
1.76 hingga 2.50	Rendah
2.51 hingga 3.25	Sederhana
3.26 hingga 4.00	Tinggi

4.2 TAHAP KEBOLEHLAKSANAAN PROGRAM DARI ASPEK MEMENUHI HASRAT (*Desirability*)

Kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai dalam analisis deskriptif dijalankan bagi menentukan tahap kebolehlaksanaan program dari aspek memenuhi hasrat dan hasilnya seperti dalam Jadual 2.

JADUAL 2: TAHAP KEBOLEHLAKSANAAN PROGRAM DARI ASPEK MEMENUHI HASRAT.

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Program Penjenamaan semula PBD 2.0 selaras dengan matlamat pendidikan seperti yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025	3.55	.504	Tinggi
2	Program ini melalui penggunaan modul PBD 2.0 dapat memenuhi aspirasi murid	3.53	.506	Tinggi
3	Program ini dapat meningkatkan kualiti pentaksiran murid secara holistik.	3.55	.504	Tinggi
4	Program ini melalui Team Mate PBD 2.0 menyokong program Professional Learning Community (PLC).	3.45	.504	Tinggi
5	Team Mate PBD 2.0 mengalakkan perkongsian maklumat dan kemahiran guru yang dapat meningkatkan kualiti profesion perguruan.	3.58	.501	Tinggi
		3.53	0.503	TINGGI

4.3 TAHAP KEBOLEHLAKSANAAN PROGRAM DARI ASPEK BERDAYA MAJU

Hasil analisis deskriptif bagi menentukan tahap kebolehlaksanaan program dari aspek berdaya maju seperti dalam Jadual 3.

JADUAL 3: TAHAP KEBOLEHLAKSANAAN PROGRAM DARI ASPEK BERDAYA MAJU

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
6	Program Penjenamaan semula PBD 2.0 dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran saya dalam melaksanakan PBD di sekolah.	3.45	0.504	Tinggi
7	Program ini dapat meningkatkan perkongsiaan ilmiah dalam kalangan guru Team Mate PBD 2.0.	3.43	0.501	Tinggi
8	Program ini dapat meningkatkan kefahaman tentang pelaksanaan PBD di sekolah	3.53	0.506	Tinggi
9	Team Mate PBD 2.0 mengalakkan amalan kerja berpasukan.	3.50	0.506	Tinggi
10	Saya bermotivasi untuk melaksanakan pentaksiran dengan adanya program ini.	3.60	0.496	Tinggi
		3.50	0.502	TINGGI

4.4 TAHAP KEBOLEHLAKSANAAN PROGRAM DARI ASPEK PRAKTIKAL (*practically*)

Hasil analisis deskriptif bagi mengenalpasti tahap kebolehlaksanaan program dari aspek mampu praktikal (*Practically*) seperti dalam Jadual 4.

JADUAL 4 : TAHAP KEBOLEHLAKSANAAN PROGRAM DARI ASPEK PRAKTIKAL (*PRACTICALLY*).

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
11	Modul PBD 2.0 mampu memberi panduan untuk pelaksanaan pentaksiran selain daripada DSP dan DSKP.	3.48	.506	Tinggi
12	Modul PBD 2.0 dapat menilai kebolehan murid mengikut tahap penguasaan mereka - kumpulan harapan / sederhana / cemerlang.	3.25	.494	Tinggi
13	Modul PBD 2.0 dapat digunakan dalam pentaksiran semua matapelajaran di sekolah rendah.	3.43	.549	Tinggi
14	Team Mate PBD 2.0 dapat menjadi rujukan jika terdapat sebarang kesulitan dalam melaksanakan PBD.	3.35	.483	Tinggi

15	Saya berasa positif terhadap pelaksanaan program Penjenamaan semula PBD 2.0.	3.60	.496	Tinggi
		3.42	0.505	TINGGI

4.5 TAHAP KEBOLEHLAKSANAAN PROGRAM DARI ASPEK MAMPU DILAKSANA (affordability)

Hasil analisis deskriptif bagi menentukan tahap kebolehlaksanaan program dari aspek mampu dilaksana (affordability) seperti dalam Jadual 5.

JADUAL 5 : TAHAP KEBOLEHLAKSANAAN PROGRAM DARI ASPEK MAMPU DILAKSANA (AFFORDABILITY)

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
16	Saya komited dalam menghasilkan bahan untuk modul PBD 2.0.	3.43	0.501	Tinggi
17	Saya bersedia untuk bekerjasama dengan sekolah lain bagi mewujudkan Team Mate PBD 2.0.	3.35	.483	Tinggi
18	Pihak sekolah menyediakan kemudahan prasarana untuk melaksanakan program ini. (mesin pencetak / mesin potostat / komputer / internet / dll)	2.88	0.757	Sederhana
19	Penghasilan modul PBD 2.0 bersama Team Mate PBD 2.0 mampu dilaksanakan secara kos efektif.(perbincangan atas talian : WEBEX / ZOOM , aplikasi telefon pintar : telegram/wassap dan email)	3.03	0.698	Sederhana
20	Saya mampu membuat dan berkongsi laporan setiap pentaksiran murid dengan sekolah Team Mate PBD 2.0 bagi menambah baik modul PBD 2.0 dan kualiti pengajaran serta pentaksiran.	3.33	.526	Tinggi
		3.20	0.593	SEDERHANA

4.6 TAHAP KEBOLEHLAKSANAAN PROGRAM DARI ASPEK LESTARI (Sustainability)

Hasil analisis deskriptif bagi menentukan tahap kebolehlaksanaan program dari aspek lestari seperti dalam Jadual 6.

JADUAL 6: TAHAP KEBOLEHLAKSANAAN PROGRAM DARI ASPEK LESTARI.

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
21	Program Penjenamaan semula PBD 2.0 meningkatkan keyakinan saya dalam melaksanakan PBD di sekolah.	3.38	.490	Tinggi
22	Program ini dapat meningkatkan kompetensi dan profesion perguruan saya.	3.35	.483	Tinggi
23	Program ini dapat meningkatkan keyakinan dan kepercayaan pihak berkepentingan (ibubapa / masyarakat) terhadap PBD.	3.23	.423	Tinggi
24	Team Mate PBD 2.0 dapat memberikan sokongan dan membimbing saya dalam melaksanakan PBD.	3.33	.474	Tinggi
25	Program ini sesuai dan relevan untuk diaplikasikan di semua sekolah rendah dengan demografi yang sama.	3.28	.452	Tinggi
		3.31	0.464	TINGGI

Secara keseluruhannya tahap kebolehlaksanaan Program Penjenamaan semula PBD 2.0 dapat dirumuskan seperti Jadual 7.

JADUAL 7: TAHAP KESELURUHAN KEBOLEHLAKSANAAN PROGRAM PENJENAMAAN SEMULA PBD 2.0 DARI PERSPEKTIF GURU

No	Domain	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Aspek memenuhi Hasrat	3.53	.503	Tinggi
2	Aspek berdaya maju	3.50	.502	Tinggi
3	Aspek praktikal	3.42	.505	Tinggi
4	Aspek mampu dilaksanakan	3.20	.593	Sederhana
5	Aspek lestari	3.31	.464	Tinggi

VI. PERBINCANGAN

Dapatan kajian mendapati bahawa perspektif guru terhadap kebolehlaksanaan Program Penjenamaan semula PBD 2.0 dari aspek memenuhi hasrat adalah tinggi. Ini menunjukkan program ini memberi kesan positif kepada warga sekolah iaitu guru dan murid, munasabah untuk dilaksanakan dan tidak memerlukan pertimbangan aspek

lain. Matlamat dan objektif program adalah selari dengan objektif pentaksiran yang dihasratkan oleh KPM.

Dapatan kajian juga mendapati bahawa tahap kebolehlaksanaan Program Penjenamaan semula PBD 2.0 dari **aspek berdaya maju** adalah **tinggi**. Ini menunjukkan program boleh mendatangkan kemajuan dan tidak berisiko, sangat berdaya maju serta tidak memerlukan pertimbangan aspek lain. Program ini dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru-guru mengikut keperluan semasa seterusnya menambahbaik kualiti pdpc dan pentaksiran serta meningkatkan prestasi murid. Pengetahuan dan kemahiran guru dalam bidang pentaksiran merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan pentaksiran di sekolah (Rohaya et al. 2008). Melalui penjenamaan semula PBD 2.0 ini, guru-guru dari sekolah Team Mate PBD 2.0 akan menyediakan laporan selepas pentaksiran dan pencapaian murid akan dianalisis bagi mengetahui tahap pencapaian mereka dalam kalangan rakan sebaya yang mempunyai latar belakang demografi yang hampir sama. Oleh itu, guru akan dapat mengesan murid yang masih jauh ketinggalan, mencari penyelesaian dan tindakan secara kolaborasi dan mengubah serta menambah baik teknik dan kaedah pdpc serta instrumen pentaksiran.

Responden kajian ini bersetuju bahawa tahap kebolehlaksanaan Program Penjenamaan semula PBD 2.0 dari **aspek praktikal** adalah **tinggi**. Program ini sesuai dijalankan dan menepati tuntutan dan memenuhi keperluan semasa. Program membantu dalam pelaksanaan pentaksiran yang lebih efektif. Oleh itu, program ini relevan untuk dilaksanakan dan boleh diterima oleh semua pihak yang terlibat seperti pentadbir, guru, pelajar dan ibu bapa. Melalui penubuhan Team Mate PBD 2.0 ini, guru-guru akan dapat berkongsi pengetahuan, kemahiran dan saling memberikan sokongan dan dapat menjalankan pentaksiran dengan tanpa tekanan. Norasmah (2000) dan Zamri (2004) berpendapat bahawa guru perlu menguasai dan memahami pelbagai model, kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran, dan berusaha mengaplikasikannya mengikut situasi dan kesesuaian.

Kajian ini mendapati tahap kebolehlaksanaan Program Penjenamaan semula PBD 2.0 dari **aspek mampu dilaksanakan** hanya pada tahap **sederhana**. Oleh kerana kajian ini dijalankan di sekolah kurang murid, maka prasarana di sekolah tersebut sangat terhad. Prasarana seperti mesin pencetak, mesin pendua dan capaian internet kurang baik. Selain itu, bilangan guru yang melebihi umur 51 tahun ke atas mempunyai kemahiran teknologi maklumat pada tahap sederhana. Oleh itu, mereka mungkin kurang yakin dapat melaksanakan perbincangan bagi penghasilan modul melalui atas talian. Radin (2008) menegaskan perlunya sokongan dari institusi tertentu untuk menjayakan program PBD.

Akhir sekali, tahap kebolehlaksanaan program dari **aspek lestari** berada pada tahap **tinggi**. Ini bermakna program ini boleh mendatangkan kemajuan tanpa berisiko kepada semua pihak yang terlibat. Melalui program ini, pentadbir, guru dan murid akan menerima manfaat dan kebaikan bersama. Ianya juga dapat meningkatkan

keyakinan dan kepercayaan pihak berkepentingan seperti Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri, ibu bapa dan masyarakat terhadap sekolah terutamanya pentadbiran dan pelaksanaan pentaksiran PBD.

VII. RUMUSAN (BATASAN KAJIAN DAN CADANGAN LANJUTAN)

Keberkesanan Program Penjenamaan semula PBD 2.0 memerlukan kerjasama daripada semua warga sekolah. Sokongan daripada Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pelajaran Malaysia dalam penyediaan prasarana yang mencukupi dan latihan kompetensi yang bersesuaian amatlah diperlukan. Penubuhan *Team Mate* PBD 2.0 dan penghasilan modul PBD 2.0 akan dapat meningkatkan keyakinan dan persediaan guru yang lebih efisien agar kualiti pentaksiran dapat ditingkatkan. Pentaksiran yang berkualiti akan meningkatkan prestasi pencapaian murid seterusnya meningkatkan keyakinan ibu bapa dan masyarakat terhadap institusi sekolah. Oleh kerana kajian ini hanya melibatkan sekolah kurang murid, maka kajian lanjutan dengan demografi sekolah yang berbeza dicadangkan.

RUJUKAN

- Aniza Ahmad & Zamri Mahamod (2015) Tahap Kemahiran Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah Dalam Melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Berdasarkan Jantina, Opsyen dan Tempat Mengajar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM* 5(1) :18-29
- Abdullah, N., Mohamed Noh, N., Mansor, R., Hashim, M., Talib, A., & Wong, K. T. (2015). Penilaian pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dalam kalangan guru sains. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*. 5(1), 89-102
- Chan Yuen Fook (2003) Pendekatan Penilaian:satu tinjauan dari aspek kesesuaiannya dalam penilaian program latihan. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Institut Aminudin Baki* . 13 (1) : 65-81
- Kumaran Gengatharan (2019) Keperluan modul pentaksiran pendidikan kesihatan untuk guru tahap satu dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. *Jurnal Sains Sukan dan Pendidikan Jasmani* 8 (2) : 24-34,
- Noorzeliiana Binti Idris (2017) Isu dan Cabaran Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dalam kalangan guru. *Proceeding International Conference On Teachers Education*
- Radin Mohd Shamsul Zamri bin Hirzin (2008) Penilaian program pentaksiran kerja kursus berasaskan Sekolah

Teknologi Kejuteraan SPM. Tesis Sarjana Pendidikan.
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Shahrir Jamaluddin (2007) Amalan Pentaksiran Untuk
Pembelajaran di Sekolah Menengah.
Jurnal Pendidikan.27(1)

Singh, D. R. (2007) Panduan Ulangkaji Pendidikan untuk
KPLI Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah. Kuala
Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd

Tan Ai Mei. 2010. Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)
di Malaysia. Kesediaan Guru, Isu dan Panduan
Pelaksanaan. Gerak Budaya Enterprise, Kuala Lumpur.
Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan
Malaysia, Bangi.